

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

TARIKH : 8 APRIL 2015 [RABU]

SOALAN : Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah jumlah projek penternakan khinzir yang telah dan akan dilaksanakan di negara kita serta standard piawaian pemantauan yang dibuat terhadap saluran sisa kumbahan yang boleh mengakibatkan pencemaran.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini terdapat sebanyak 737 buah ladang babi yang sedang beroperasi di seluruh negara. Dalam pada itu, terdapat tiga (3) kawasan *Pig Farming Area* (PFA) yang dirancang untuk dibangunkan sebagai kawasan penternakan babi iaitu di Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sembilan akhirnya membuat keputusan untuk tidak membangunkan kawasan PFA yang

dirancangkan. Di Sabah, kawasan PFA dirancang untuk dibangunkan adalah di Entalibon, Tongod, Sandakan yang meliputi 500 ekar dan boleh menempatkan 100,000 ekor ternakan khinzir. Bagi Sarawak, kawasan PFA telah dibangunkan dan beroperasi di atas kawasan seluas 2000 ekar tanah di Pasir Putih, Samarahan yang berkapasiti sebanyak 250,000 ekor. Kesemua kawasan PFA ini disediakan dengan infrastruktur serta kemudahan asas, sistem pengolahan sisa dan rumah sembelih.

Piawaian pemantauan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terhadap saluran sisa kumbahan dari ladang babi adalah menggunakan parameter *Biological Oxygen Demand* (BOD_5). Parameter ini menyukat keperluan oksigen terlarut yang diperlukan oleh mikroorganisma aerobik untuk mengurai bahan organik dalam masa 5 hari pada suhu 20 darjah celcius (20°C). Had pelepasan yang dibenarkan adalah BOD kurang daripada 50. Parameter ini juga mematuhi piawaian di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain itu, parameter ini turut digunakan dalam enakmen penternakan babi negeri bagi tujuan pelesenan.

Pada tahun 2014 yang lalu juga, satu Garis Panduan Kawalan Pencemaran Daripada Aktiviti Penternakan Babi telah diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama-sama dengan DVS untuk memberi panduan kepada penternak ke arah mengurangkan dan meminimumkan penjanaan bahan-bahan buangan di ladang.